

Abu Al-Aswad Al-Du'ali: Pencipta Ilmu Nahu

Mohd Bakhit bin Ali*, Mohd. Muhiden bin Abd. Rahman*

Akademi Pengajian Islam,
Pusat Pendidikan Universiti Malaya, Bachok, Kelantan, Malaysia

E-mail: bakhit@um.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti biografi Abu Aswad serta menganalisis sumbangan beliau iaitu mencipta ilmu nahu dan faktor penciptaanya. Abu Aswad merupakan salah seorang ulama berketurunan Arab yang masyhur dalam bidang linguistik Arab. Beliau telah memberi sumbangan yang begitu besar kepada dunia Islam dengan mencipta ilmu nahu. Metode kajian yang digunakan dalam kajian ini berbentuk kajian perpustakaan. Melalui metode ini, semua data yang dirujuk dan dikumpul berasal dari bahan perpustakaan yang berkaitan dengan tajuk. Data yang dirujuk juga berasal dari sumber-sumber yang boleh dipercayai sama ada dari sumber primer atau sumber sekunder. Hasil kajian yang diperolehi mengesahkan Abu Aswad telah memberi sumbangan yang besar kepada dunia bahasa Arab dengan mencipta ilmu nahu. Ilmu nahu merupakan suatu ilmu yang sangat diperlukan oleh sesiapa yang ingin meneroka khazanah ilmu Arab samada dalam bentuk agama, sastera, sejarah atau sebagainya.

Kata kunci: Ilmu Nahu, Abu Aswad al-Du'ali, Pencipta

ABSTRACT

The objective of this article is to explore the biography of Abu Aswad and to analyse his contribution in pioneering the knowledge of Arabic grammar and the factors of its creation. Abu Aswad is one of the well known Arab scholars in Arabic linguistic. He contributed to Islamic world by pioneering the knowledge of Arabic grammar. The methodology is this article is based on library method. Through this method, all the data is referred to and collected from library sources related to the topic. The referred data is derived from trusted primary or secondary sources. The outcome of this study verifies the huge contribution made by Abu Aswad to the Arabic linguistic by pioneering the study of Arabic grammar. Knowledge of Arabic grammar is essential for anyone who wishes to explore the vast literature of Arabic language whether in religious, literature, historic and other context.

Keyword: Arabic grammar, Abu Aswad al-Du'ali, pioneer

PENDAHULUAN

Ilmu nahu merupakan ilmu bahasa pertama dalam Islam yang lahir pada kurun pertama Hijriah hasil daripada kebangkitan pemikiran cendekiawan Islam yang begitu optimis terhadap kitab suci al-Qur'an dan bahasa Arab. Kelahirannya berkait rapat dengan cetusan rasa hati umarak dan ulama yang ketika itu berasa begitu gusar terhadap berleluasa *lahn* atau kesalahan bahasa di kalangan masyarakat Arab. Bibit-bibit kesalahan bahasa bermula pada zaman Rasulullah saw lagi sehingga Baginda mengeluarkan Hadith¹ supaya diperbetulkan kesalahan tersebut. Kesalahan bahasa terus berlaku pada zaman Khulafa' al-Rashidun dan berleluasa hingga ke zaman pemerintahan Bani 'Umayyiah khususnya ketika Ziyad bin Abih menjadi pemerintah di Basrah.

Selepas terasasnya ilmu nahu di Basrah, kerja ulama tertumpu kepada mengembangkan ilmu tersebut sehingga dikumpul ilmu nahu dan dibukukan pada kurun kedua Hijriah. Selain Basrah, bandar-bandar lain seperti Kufah, Baghdad, Andalus dan Mesir juga memainkan peranan penting untuk kesinambungan ilmu nahu. Ilmu nahu telah bertapak dengan kukuh di beberapa tempat, disertai dengan tempoh masa tertentu dan ditambah pula dengan bilangan ulama yang ramai. Apabila bersatu para ulama dengan tempat dan masa tertentu, maka lahirlah beberapa aliran yang masyhur. Pada hari ini, sebanyak lima aliran atau mazhab nahu telah dikenal pasti iaitu aliran Basrah, Kufah, Baghdad, Andalus dan Mesir yang mempunyai kaitan yang besar dengan perkembangan ilmu nahu.

Mengenai penulisan dalam tajuk ini, penulis akan membincangkan beberapa topik yang dianggap penting untuk diketengahkan, khususnya yang berkaitan dengan biografi Abu Aswad al-Du'ali, penciptaan ilmu nahu serta faktor terciptanya.

KAJIAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian sebelum ini yang membincangkan sejarah awal perkembangan ilmu nahu dan kepentingannya. Antara kajian lepas yang diperolehi oleh penulis ialah buku yang ditulis oleh Dr. Fathi 'Abd al-Fattah al-Dajani pada tahun 1974 bertajuk '*Abu al-'Aswad al-Du'aliy wa Nash'ah al-Nahw al-Arabiyy*'. Buku ini ditulis dalam empat fasal dan secara keseluruhannya menceritakan tentang biografi 'Abu al-'Aswad al-Du'aliy dan sumbangannya kepada ilmu nahu dan sastera Arab. Sejarah awal ilmu nahu dibincangkan dalam fasal pertama.

Kajian seterusnya dihasilkan oleh Mu'ammad al-Shatir Ahmad Muhammad pada tahun 1978 berjudul '*al-Mujaz fi Nash'ah al-Nahw*'. Pengarang buku ini memfokuskan kepada sejarah ringkas kelahiran ilmu nahu dan peringkat-peringkat perkembangannya serta biodata beberapa ulama terpilih bagi setiap peringkat.

Seterusnya buku yang dihasilkan oleh Fauzi Mas'ud bertajuk '*Sibawayh Jami' al-Nahw al-'Arabiyy*'. Buku ini ditulis pada tahun 1985 dalam lima fasal untuk mengetengahkan

¹ أرشدوا أحكامه فإنه قد صل. Maksudnya: "Bimbinglah kamu semua akan saudaramu kerana sesungguhnya ia telah sesat." 'Abu Fath Uthman Ibn Jinniy, *al-Khasais*, Muḥammad Aliy al-Najjar (edit), j. 2, c. 3. (Kaherah: al-Haiyah al-Misriyyah al-Ammah lil al-Kitab, ١٩٨٦), 10. 'Abd al-Rahman Jalal al-Din al-Suyutiy, *al-Muzhir fi Ulum al-Lughah wa Anw'ahih*, Muḥammad 'Aḥmad Jad al-Maula Bek, *et. al.* (edit), j. 2, c. 3. (Kaherah: Dar al-Turath, t.t.), 396. 'Ala' al-Din 'Aliy al-Mutaqiy bin Husam al-Din al-Hindiy, *Kanz al-'Ummal fi Sunan al-'Aqwal wa al-'Af'al*, "fi Adab al-Tilawah", no. Hadith 2809, al-Shaikh Safwah al-Saqa, *et. al.* (edit), j. 1, (Halb: Maktabah al-Turath al-Islamiy, 1969), 611.

suatu pandangan bahawa Sibawayh adalah pengumpul ilmu nahu Arab dan kitabnya merupakan ensiklopedia nahu atau bahasa Arab. Pada fasal pertama sahaja beliau membincangkan kelahiran ilmu nahu serta penciptanya.

Manakala Dr. Talal AllÉmah pula menulis buku bertajuk *Nash'ah al-Nahw al-'Arabiy fi Madrasatai al-Basrah wa al-Kufah* pada tahun 1992. Beliau telah menulis tentang kelahiran ilmu nahu di aliran Basrah dan Kufah dalam empat bab. Pada bab keempat fasal pertama dibincangkan sejarah awal ilmu nahu.

Begitu juga dengan kajian yang ditulis oleh al-Shaikh Muhammad al- Tantawiy pada tahun 1997 bertajuk *Nash'ah al-Nahw wa Tarikh 'Ashar al-Nuhat*. Buku ini membincangkan tentang peringkat-peringkat perkembangan ilmu nahu serta tokoh terkemuka ulama pada setiap generasi. Sejarah awal ilmu nahu dihuraikan di awal buku ini di bawah tajuk '*sabab wadu' al-Nahy*'.

Kajian diteruskan oleh Dr. 'Aliy Muhammad FÉkhir bertajuk '*Tarikh al-Nahw al-'Arabiy mundh Nash'atih hatta al-'Ana*' pada tahun 2003. Buku ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama difokuskan kepada aliran-aliran masyhur ilmu nahu serta tokoh utamanya dan bahagian kedua mengandungi contoh serta latihan untuk pelajar dalam ilmu *al-I'rab*. Sejarah awal ilmu nahu dibincangkan dalam bab pertama bahagian pertama bertajuk '*Nash'ah al-Nahw wa al-Mazhabain al-Basriy wa al-Kufiy*'.

Satu-satunya kajian dalam bahasa Melayu yang diperolehi oleh penulis ialah buku yang ditulis oleh Kamarul Shukri Mat Teh pada tahun 2010 berjudul '*Perkembangan Awal Nahu Arab*'. Perbincangan mengenai masa dan tempat kelahiran nahu dimuatkan dalam bab pertama, manakala pengasasnya dibincangkan dalam bab ketiga.

METODE PENYELIDIKAN

Penulisan kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif iaitu penulis telah mengumpulkan data berdasarkan kaedah kajian perpustakaan. Metode penyelidikan perpustakaan merupakan teknik bagi mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod. Kaedah penyelidikan perpustakaan penting digunakan bagi membolehkan penulis mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang mendalam mengenai permasalahan yang menjadi fokus kajian. Penulis juga telah menggunakan metode ini untuk mendapatkan bahan dari buku-buku yang berkaitan dengan kajian ini terutama dalam mencari bahan untuk mendapatkan kajian terdahulu yang berkaitan. Melalui metode ini penulis melibatkan pencarian bahan-bahan primer yang digunakan untuk merujuk perkara-perkara berkaitan dengan tajuk dan bahan-bahan sekunder yang berbentuk buku-buku, kertas kerja, tesis, artikel dan lain-lain. Untuk mendapatkan bahan-bahan yang diperlukan, pengkaji akan menggunakan beberapa buah perpustakaan utama yang menjadi tempat rujukan samada di Malaysia atau luar Malaysia.

HASIL KAJIAN

Nama dan Gelaran

Nama penuh beliau ialah Zalim bin Amru bin Sufyan bin Ya`mar bin xals bin Nufathah bin `Ady bin al-Du`il bin Bakr bin Abd Manah bin Kinanah bin Khuzaimah bin Mudrikah bin Ilyas bin Mudir bin Nazar. Nama yang masyhur dan dikenali ramai ialah 'Abu al-'Aswad al-Du`ali. 'Abu al-'Aswad adalah gelaran atau kunyah yang diberikan kepada beliau. Gelaran yang diberikan kepada seseorang kebiasannya berdasarkan kepada sifat atau nama salah seorang daripada anak-anak. Namun sebab atau punca 'Abu al-'Aswad digelarkan

sedemikian tidak dibicarakan oleh ahli sejarah. Mengikut pendapat Dr. Fathi Abd al-Fattah, gelaran diberikan bersesuaian dengan sifat semulajadi beliau iaitu berkulit hitam kerana *al-‘Aswad* itu bermaksud hitam dan tidak diketemui bahawa terdapat anaknya yang bernama al-‘Aswad. Tambahan pula ‘Abu al-‘Aswad sendiri yang menggalakkan beliau dipanggil sedemikian kerana nama asalnya iaitu Zalim bertentangan dengan sifat adil yang ada pada jawatan yang disandangnya sebagai kadi.² Al-Du‘ali yang dinisbahkan kepadanya merupakan nama salah seorang datuknya yang bernama al-Du‘il.

Tempat dan Tarikh Lahir

Beliau lahir di pinggir Mekah, berasal dari keluarga mulia dan berketurunan Arab iaitu Kinanah yang berhubung dengan salasilah Nabi SAW. Bapanya Amru bin Sufyan mati dalam keadaan kafir dibunuh dalam peperangan Badr bersama bapa saudaranya Jabir bin Sufyan oleh Nu‘man bin al-Qawfiliy. Manakala ibunya berasal dari kabilah Abd al-Dar salah satu dari kalangan kabilah-kabilah Arab. Beliau telah memeluk Islam pada akhir hayat Rasulullah SAW namun, tidak berpeluang melihat Baginda dan kerana itu dikenali sebagai seorang Tabi‘in.

Tarikh lahir beliau tidak disebut dalam sumber-sumber sejarah tetapi al-Suyuti ada menyatakan ia lahir pada masa Jahiliyyah.³ Kebanyakan kitab menyebut tarikh wafat sahaja sebagaimana Ibn Khallikan mengatakan ia meninggal di Basrah pada tahun 69 Hijrah pada masa merebak penyakit taun dan umur beliau ketika itu 85 tahun.⁴ Bergantung kepada riwayat tersebut maka tahun kelahiran beliau boleh dikira iaitu 16 tahun sebelum Hijrah.

Penhijrahan

‘Abu al-‘Aswad telah berhijrah ke Basrah pada masa pemerintahan Khalifah ‘Umar bin al-Khattab, lalu bermastautin di sana dan membina masjid. Tarikh beliau berhijrah dianggarkan selepas tahun 18 Hijrah kerana pada akhir tahun 17 Hijrah beliau berada di Madinah yang kebetulan ketika itu sedang dilanda oleh penyakit yang menyebabkan banyak kematian. Faktor sebenar yang menyebabkan beliau berhijrah tidak diketahui. Namun, dorongan untuk berhijrah memang terbuka luas selepas Khalifah ‘Umar bin al-Khattab memerintahkan supaya didirikan Bandar Basrah bertujuan menguatkan kedudukan Islam di Iraq di samping menghadapi kekuatan Farsi. Selain para Sahabat, Khalifah juga turut menggalakan para rakyatnya tak kira apa kepakaran mereka sekalipun untuk berhujrah ke kawasan-kawasan yang baru dibuka termasuklah para ulama-ulama. Oleh itu berduyun-duyun lah mereka menyahut galakan untuk berhijrah termasuk ‘Abu al-‘Aswad dengan tujuan dan matlamat masing-masing seperti untuk keagamaan, keilmuan dan kebendaan.

Perkahwinan

Kebanyakan sejarawan bersetuju mengatakan ‘Abu al-‘Aswad ketika berhijrah ke Basrah seorang teruna dan selepas itu mula berkahwin seorang demi seorang hingga empat orang perempuan kesemuanya. Perempuan pertama yang dikahwininya bergelar Um ‘Auf

² Dr Fathi Abd al-Fattah al-Dajaniy, *Abu Aswad al-Du‘ali wa Nash‘ah al-Nahw al-Arabiyy*, (Kuwait: Wakalah al-Matbu‘at, 1974), 102.

³ Suyutiyy, al-Hafiz Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman al- (t.t.), *op. cit.*: j. 2. 86.

⁴ Ibn Khallikan, ‘Abu al-‘Abbas Ahmad bin Muhammad bin Ibrahim bin ‘Abi Bakr. *Wafayyat al-‘A‘yan wa ‘Anba’ Abna’ al-Zaman*, Yusuf ‘Aliy Tawil, *et. al.*, (ed) c.1, (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998). 441.

dari bani Qashir dan berusia lebih tua daripadanya. Hasil perkahwinan ini, dikurniakan dengan 2 orang anak lelaki yang bernama 'Ata' dan Abu Harb. Perempuan kedua bernama Fatimah binti Da'ai daripada bani Abd al-Qais, mempunyai kecantikan dan lebih muda dari beliau. Perkahwinan yang ketiga dengan perempuan dari Syam yang akhirnya berlaku perceraian. Selepas bercerai berlaku pula perebutan hak penjagaan ke atas anak lelaki dan akhirnya Khalifah Mu'awiyah memutuskan hak tersebut ke atas bekas isterinya. Manakala pernikahan keempat beliau ialah dengan perempuan dari Basrah yang menawarkan diri untuk berkahwin dengannya. Selepas berkahwin terbukti isterinya tidak seperti yang diinginkan beliau, tamak kepada hartanya, pengkhianat, membocorkan rahsia suami isteri dan akhirnya beliau menceraikan di hadapan kaum keluarga isterinya.

Sifat Fizikal dan Spiritual

'Abu al-'Aswad juga mempunyai beberapa sifat fizikal dan spiritual sebagaimana yang terdapat pada orang lain. Antara sifat fizikal beliau yang diceritakan oleh para rawi ialah mulut berbau harum, mengidap penyakit hilang deria rasa pada sebahagian anggota dan berkepala botak. Manakala sifat spiritual ialah seorang yang kedekut, namun ditentang oleh Dr. Fathi Abd Fattah yang mendakwa riwayat-riwayat yang menceritakan perilaku 'Abu al-'Aswad dengan watak kedekut sebagai lawak jenaka bertujuan menghiburkan. Beliau juga mengambil jalan tengah dengan mengatakan 'Abu al-'Aswad seorang yang tidak pemurah sebagaimana tidak terlalu bakhil.⁵ Sifat lain ialah seorang yang berani dan terbukti apabila turut serta mengharungi peperangan al-Jamal dan Siffin bersama Khalifah Ali bin Abi Talib. Beliau juga pernah memimpin tentera yang dihantar untuk memerangi puak Khawarij. Beliau juga seorang yang genius/cerdik, cepat memberi jawapan, tidak mampu dihalang oleh mana-mana halangan dan cekap berlawak jenaka. 'Abu al-'Aswad juga pernah bekerja sebagai ahli perniagaan di Basrah dengan menjual dan membeli unta. Perniagaan tersebut dijalankan selepas berhijrah pada masa pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab. Ini kerana kegiatan ekonomi di Basrah begitu baik kerana ramai orang Islam yang berhijrah ke sana dan begitu dekat dengan kawasan yang baru dibuka oleh kuasa Islam.

Penjawatan

Kehebatan 'Abu al-'Aswad terserlah ketika pemerintahan Khalifah Ali bin Abi Talib. Beliau dilantik sebagai kadi dan pemerintah di Basrah. Dalam peperangan al-Jamal beliau mengamalkan dasar pertengahan dan dalam peperangan Siffin beliau turut serta bersama angkatan tentera Ali. Persahabatannya dengan Khalifah Ali dijalinnya secara ikhlas dan menjadi penganut Syiah kerana kasih sayangnya kepada Sayidina Ali serta anak-anaknya. Apabila Bani Umayyah mengambil alih teraju pemerintahan dari Khulafa al-Rashidun, antara agenda utama mereka ialah menghapuskan fahaman Syiah di kalangan masyarakat Arab. Mereka yang jadi penganut Syiah menjadi buruan pihak berkuasa termasuklah 'Abu al-'Aswad yang dibuang oleh Mu'awiyah dari jawatan kadi di Basrah. Tetapi lamakelamaan perselisihan antara 'Abu al-'Aswad Mu'awiyah dengan 'Abu al-'Aswad menjadi reda dan akhirnya terjalin hubungan persahabatan.

Selepas 'Abu al-'Aswad dilucutkan jawatan terdapat 5 orang wakil Mu'awiyah yang memerintah Basrah hinggalah dijabat oleh Ziyad bin Abih. Dengan Ziyad, 'Abu al-'Aswad cuba mengambil pendekatan menyokong beliau dan ingin menamatkan perselisihan lama yang bermula sejak zaman Imam Ali bin Abi Talib lagi. Bagi Ziyad permohonan maaf yang

⁵ Dr Fathi Abd al-Fattah al-Dajaniy (1974) *op. cit.*, 143.

dipinta oleh ‘Abu al-‘Aswad sukar diterimanya kerana luka lama semasa bertugas di bawah pentadbiran beliau susah untuk dilupakan. Akhirnya Ziyad menerima juga permintaan ‘Abu al-‘Aswad dan memaafkan beliau. Maka bermulalah hubungan baharu yang dibina di atas dasar tolong-menolong, kerjasama dan toleransi. Hasrat yang baik itu terserlah melalui kata-kata beliau kepada ‘Abu al-‘Aswad, “sekiranya kamu tidak begitu tua nescaya aku akan meminta tolong dari kamu pada beberapa perkara” lalu dijawab oleh ‘Abu al-‘Aswad “sekiranya kamu ingin daripadaku untuk bergusti maka itu di luar kemampuanku, dan sekiranya kamu ingin akal dan sasteraku maka ia lebih sempurna dan lebih banyak daripada hari-hari muda”.⁶ Tidak cukup dengan itu sahaja, bahkan ‘Abu al-‘Aswad ditugaskan mengajar anak Ziyad dan berkerjasama dengannya memasukkan baris ke dalam al-Qur’an.

‘Abu al-‘Aswad telah sampai ke kemuncak kemasyhurannya apabila dilantik menjadi Kadi di Basrah pada tahun 35 Hijrah. Beliau ditabalkan oleh Khalifah Ali bin Abi Talib untuk menyelesaikan kes-kes berkaitan dengan harta pusaka, penceraian, perkahwinan, anak-anak yatim, ibu-ibu tunggal dan lain-lain. Beliau juga mendapat kepercayaan daripada ‘Amil Basrah pada ketika itu Abdullah bin ‘Abbas untuk menggantikan beliau semasa berada di luar Basrah untuk sesuatu urusan. Oleh itu, beliau mampu menjalankan dua tugas iaitu kadi dan amil pada satu-satu masa.

Selain kadi, beliau juga diberi kepercayaan oleh Khalifah Ali memegang jawatan ‘Amil Basrah pada tahun 38 Hijrah kerana menggantikan Abdullah bin ‘Abbas yang dipecat dari jawatan tersebut. Pemecatan dibuat selepas Khalifah mendapati berlaku kecurian harta orang Islam di Baitulmal dan menuduh Abdullah bin Abbas bertanggungjawab. ‘Abu al-‘Aswad telah menjawat dua jawatan serentak sehinggalah berlaku pembunuhan ke atas Khalifah pada tahun 40 Hijrah.

Keilmuan

‘Abu al-‘Aswad adalah seorang yang alim, suka kepada ilmu pengetahuan dan mengutamakan di atas sekalian benda yang berharga. Beliau berkeyakinan orang alim mempunyai kedudukan yang tinggi dalam masyarakat sehingga mengatasi raja-raja. Sebagaimana diluahkan melalui kata-katanya: “raja-raja pemerintah manusia, manakala para ulama pemerintah raja-raja”. Beliau juga merakamkannya melalui bait syair:

يا جامع العلم نعم الذخر تجمعه لا تعدلن به درا ولا ذهباً

Wahai penghimpun ilmu sebaik-baik perhiasan menggumpulkannya

Oleh itu jangan kamu menyamakannya dengan permata dan emas.

Kebanyakan sejarawan tidak menyebut guru-guru nahu beliau dan bagaimana boleh menjadi seorang alim dalam ilmu nahu. Namun, ada yang mengatakan guru ilmu nahu beliau ialah Imam Ali bin Abi Talib sebagaimana guru beliau pada ilmu qira’at al-Qur’an. Beliau hidup semasa dengan sebahagian para Sahabat Rasulullah SAW, juga sezaman dengan ulama yang menonjol seperti Abu Musa al-‘Asha’ari yang mempunyai suara yang merdu ketika membaca al-Qur’an, Abdullah bin ‘Abbas yang telah didoakan oleh Nabi supaya feqah pada agama dan alim pada tafsir dan ramai lagi dari kalangan Tabi’in. Manakala pada ilmu Hadith, beliau turut serta bersama ulama semasa meriwayatkan hadith. Dikatakan beliau meriwayatkan daripada Huzaifah bin ‘As’ad al-Ghaffari, ‘Umar bin al-Khattab, Imam ‘Ali, Abu Zarr AL-Ghaffari, Ibn Mas’ud, al-Zubair bin al-‘Awam, Abu Musa, Ibn ‘Abbas

⁶ Abu Uthman Amru bin Bahr al-Jahiz, *al-Bayan wa al-Tabyin*, (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t), j.1. 285.

dan Anas bin Malik. Sebagaimana meriwayatkan daripada beliau oleh Imam al-Bukhari, Muslim dan Ibn Hanbal.

Menurut Jahiz, beliau seorang terbilang, tabi'in, fuqaha', ahli hadith, ahli nahu penyair, pahlawan, pemimpin dan lain-lain. Meriwayatkan daripada Ali, `Umar, Ibn `Abbas dan Abu Zar. Seorang pemuka tabi'in yang paling sempurna dan sahabat karib Ali.

PENCIPTAAN ILMU NAHU

Kajian terhadap punca kelahiran ilmu nahu dengan meneliti tulisan serta pendapat yang terdapat di dalam rujukan-rujukan primer telah membawa pengkaji kepada suatu perbincangan tentang siapakah pencipta sebenar ilmu nahu. Di sini, pengkaji akan cuba membuat kesimpulan hasil daripada pengamatan terhadap data-data yang dikaji.

Apabila kita membicarakan asal usul ilmu nahu Arab pasti dikaitkan dengan nama 'Abu al-'Aswad. Nama tersebut begitu sinonim dengan ilmu nahu dan menjadi sebutan beribu-ribu cendekiawan dan ulama di seluruh dunia. Ahli sejarah Arab sejak dari dahulu lagi telah meriwayatkan bahawa orang pertama yang mengasas serta mencipta ilmu nahu ialah 'Abu al-'Aswad. Antara mereka yang berpendapat sedemikian ialah Ibn Salam⁷, al-Suyuti⁸, Abu al-Tayyib al-Lughawi⁹, al-Sirafi¹⁰, Ibn al-Nadim¹¹, al-Qufi¹² dan Ibn al-Anbari¹³. Beliau telah mencipta ilmu nahu tanpa dibantu oleh sesiapa pun disebabkan oleh dorongan agama, sosial dan nasional. Manakala ada riwayat¹⁴ yang mengatakan Imam Ali berperanan dalam mengasaskan ilmu nahu tidak bertentangan dengan fakta di atas kerana Imam Ali sebagai pencetus idea atau penggerak dan 'Abu al-'Aswad sebagai pelaksana atau penyempurna kepada idea tersebut. Mengikut Ibn Nadim, beliau telah melihat karya ilmu nahu iaitu hasil tulisan 'Abu al-'Aswad sebanyak empat helai yang antaranya mengandungi bab al-Fa`il dan al-Maf`ul bih.¹⁵

Kebanyakan buku rujukan menyebut nama 'Abu al-'Aswad al-Du'aliy dan Imam 'Aliy bin 'Abi Talib sebagai individu penting yang memainkan peranan sehingga tercipta dan tertulisnya ilmu nahu. Peranan kedua-dua tokoh tersebut terhadap kemunculan ilmu nahu begitu besar sehingga tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain. Selain daripada hubungan dalam ilmu nahu yang terjalin antara mereka berdua, terdapat beberapa hubungan lain lagi antaranya ialah hubungan dalam aspek pendidikan iaitu sebagai murid dan guru dan hubungan dalam agama dan politik. Hubungan yang dimaksudkan antara mereka berdua dalam ilmu nahu ialah Imam 'Aliy sebagai pencetus dan 'Abu al-'Aswad sebagai pelaksana.

⁷ Mu`ammad Ibn Salam, *Ubaqat Fu`ul al-Shu'ara*, (Kaherah: Matba'ah Lidan, 1913), 5.

⁸ Al-Hafiz Jalal al-Din 'Abd al-Rahman al-Suyuti, (t.t.) *op.cit.* 397.

⁹ 'Abd al-Wahid bin 'Aliy al-Halabiy 'Abu al-Tayyib al-Lughawiy, *Maratib al-Nahwiyyin*, Muhammad 'Abu al-Fadl Ibrahim (ed), (Kaherah: Maktabah Nahdah Misr wa Matba'at, 1955), 8.

¹⁰ Al-Qadi 'Abu Sa'id al-Hasan bin 'Abd 'Allah al-Sirafi, *Akhbar al-Nahwiyyin al-Basriyyin*, Taha Muhammad al-Zini, *et. al.*, (ed) c. 1, (Kaherah: Maktabah Mustafa al-Babiy al-Halabiy, 1955), 12.

¹¹ Muhammad bin Ishaq, *al-Fihrist*, Muhammad Ahmad Ahmad Ibn al-Nadim, (ed) (Kaherah: al-Maktabah al-Taufiqiyyah, t.t.), 65-66.

¹² Jamal al-Din 'Abu al-Hasan 'Ali bin Yusuf al-Qiftiy, *Inbah al-Ruwah 'ala 'Anbah al-Nuhah*, Muhammad 'Abu al-Fadl Ibrahim (ed), (Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah, 2004), j.1. 16.

¹³ 'Abu al-Barakat Kamal al-Din 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin 'Abi Sa'id al-'Anbariy, *Nuzhah al-'Alibba' fE Tabaqat al-'Udaba'*, Muhammad 'Abu al-Fadl Ibrahim (ed) c. 1, (Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah, 2003), 9.

¹⁴ Al-Qadi 'Abu Sa'id al-Hasan bin 'Abd 'Allah al-Sirafi (1955), *op. cit.*, 12. Mu`ammad bin Ishaq Ibn al-Nadim, *al-Fihrist*, Muhammad Ahmad Almad (ed) (Kaherah: al-Maktabah al-Taufiqiyyah, t.t.), 65. 'Abu al-Barakat Kamal al-Din 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin 'Abi Sa'id al-'Anbariy (2003), 65. Jamal al-Din 'Abu al-Hasan 'Ali bin Yusuf al-Qiftiy (2004), *op.cit.*, j.1. 41.

¹⁵ Muhammad bin Ishaq Ibn al-Nadim (t.t.), *op.cit.* 65-66.

Jika pengkaji terpaksa memilih hanya satu nama sahaja untuk dikaitkan dengan pencipta ilmu nahu maka nama 'Abu al-'Aswad akan dipilih. Hal ini kerana, beliau mempunyai pakej yang lengkap sebagai seorang pencipta, memiliki kebolehan semulajadi berbahasa Arab dan mampu menyahut arahan daripada Imam 'Aliy atau Ziyad bin 'Abih untuk menulis tajuk-tajuk tertentu dalam ilmu nahu. Manakala Imam 'Aliy dinisbahkan kepada ilmu nahu sebagai pencetus atau yang melahirkan idea. Ibn Khaldun pula mengaitkan Imam 'Aliy sebagai orang yang mengisyaratkan kepada 'Abu al-'Aswad al-Du'aliy supaya menulis ilmu nahu kerana melihat kebolehan semulajadi bertutur telah berubah.¹⁶ 'Aliy al-Najdiy NÉîf mengatakan tidak menjadi halangan kepada Imam 'Aliy r.a. yang melontarkan idea ciptaan ilmu nahu dan mencetuskannya kepada 'Abu al-'Aswad.¹⁷ Muhammad al-Tantawiy berpendapat bahawa Imam 'Aliy tidak mempunyai masa yang cukup untuk menulis ilmu nahu kerana keseluruhan kehidupannya dipenuhi dengan huru-hara, pemberontakan dan peperangan.¹⁸

Daripada banyak riwayat yang menyokong 'Abu al-'Aswad al-Du'aliy sebagai pencipta ilmu nahu, pengkaji memilih satu riwayat yang dinyatakan oleh Ibn al-Nadim untuk dinukilkan di sini dan dijadikan sebagai hujah¹⁹ kerana ia mempunyai kesahihan dan bukti yang kukuh. Ibn al-Nadim menceritakan bahawa ia pernah bertemu dengan seorang pengumpul kitab yang bernama Ibn 'Abi Ba'rah dan melihat di dalam satu peti simpanannya mengandungi helaian daripada buku-buku Arab dalam ilmu nahu, bahasa, sastera, kitab-kitab lama dan lain-lain. Antara yang dilihatnya juga ialah empat helaian kertas dalam ilmu nahu daripada 'Abu al-'Aswad al-Du'aliy yang membicarakan tentang *al-Fa'il* dan *al-Maf'ul* yang ditulis dengan khat Yahya bin Ya'mar.²⁰

Walaupun ulama hampir sepakat menisbahkan pencipta ilmu nahu kepada 'Abu al-'Aswad, terdapat juga riwayat lain yang mengaitkan individu tertentu sebagai penciptanya. Sebagaimana kata-kata al-Sirafiy:

"Manusia berbeza pendapat di dalam menentukan orang pertama yang merangka ilmu nahu dan ramai yang menyebut 'Abu al-'Aswad al-Du'aliy, pendapat lain mengatakan Nasr bin 'Asim al-Du'aliy atau al-Laythiy dan yang lain pula mengatakan 'Abd al-Rahman bin Hurmuz. Namun, kebanyakan orang mengaitkan dengan 'Abu al-'Aswad al-Du'aliy".²¹

Dua nama yang dikait oleh al-Sirafiy itu sebagai pengasas ilmu nahu sebenarnya anak murid atau mereka yang mengambil ilmu daripada 'Abu al-'Aswad sebagaimana ditegaskan

¹⁶ 'Abd al-Rahman bin Muhammad Ibn Khaldun, *Muqaddimah Ibn Khaldun*, 'Aliy 'Abd al-Wahid Wafi (ed), j. 3, c. 3. (Kaherah: Dar Nahdah Misr lil Tab' wa al-Nashr, t.t.), 1266.

¹⁷ 'Aliy al-Najdiy Nasif, *Sibawayh Imam al-Nuhah*, (kaherah: Maktabah Nahdah Misr bil al-Fajjalah, 1953), 136.

¹⁸ Al-Shaikh Muhammad al-Tantawiy, *Nash'ah al-Nahw wa Tarikh 'Ashar al-Nuhah*, Sa'id Muhammad al-Laham (ed) c. 1, (Beirut: 'Alim al-Kutub, 1997), 15.

¹⁹ Pengkaji memilih pendapat ini kerana Ibn al-Nadim dikenali sebagai seorang yang amat berhati-hati, halus, boleh dipercayai dan mempunyai keaslian dalam mengedit nas sebagaimana yang diutarakan oleh 'Aliy al-Najdiy Nasif (1953), *op. cit.* h. 132-133. 'Aliy Abu al-Makarim, , *Madkhal ila Tarikh al-Nahw al-'Arabiyy wa Qadaya wa Nusus Nahwiyyah*, (Kaherah: Dar Gharib, 2007), h. 70, dan Fathi 'Abd al-Fattah al-Dajaniy, (1974), *op. cit.*, h. 173.

²⁰ Muhammad bin Ishaq Ibn al-Nadim, (t.t.), 65-66.

²¹ Al-Qadi 'Abu Sa'id al-Hasan bin 'Abd 'Allah al-Sirafi (1955), *op. cit.* 10.

oleh Ibn Salam²². Selain daripada ulama silam yang berpendapat demikian terdapat juga ulama kontemporari²³ yang mengatakan pencipta ilmu nahu ialah generasi kedua selepas 'Abu al-'Aswad iaitu 'Abd Allah bin 'Abi Ishaq al-Hadramiy (m. 117H). Pendapat ini tidak diterima bahkan ditentang oleh kebanyakan ulama.

Sebab Penciptaan

Setelah dipersetujui 'Abu al-'Aswad al-Du'aliy sebagai pengasas ilmu nahu, wujud pula khilaf atau perbezaan pendapat tentang punca atau sebab beliau menulis ilmu tersebut. Jika ditinjau sekali lagi peranan yang dimainkan oleh 'Abu al-'Aswad untuk memerangi *lahn* atau kesalahan bahasa terutama di bandar Basrah, didapati dan ternyata faktor agama Islam, bangsa dan bahasa Arab telah menguasai dirinya supaya berkhidmat dan menaburkan bakti dengan sepenuh jiwa dan raganya untuk menulis ilmu nahu. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa kesemua faktor tersebut bersatu menjadi punca beliau mencipta ilmu nahu.

Kesalahan terus berleluasa pada zaman Khalifah 'Aliy bin 'Abi Talib sebagaimana diriwayatkan oleh al-Qiftiy bahawa 'Abu al-'Aswad bertemu dengan 'Amir al-Mu'minin 'Aliy r.a. dan melihat beliau sedang berfikir untuk menyelesaikan satu masalah sambil berkata kepadanya:

"Apakah yang sedang tuan fikirkan wahai 'Amir al-Mu'minin? Lantas dijawabnya: Aku dengar di negeri kamu berlaku kesalahan bahasa, dan aku ingin mencipta sebuah kitab dalam usul bahasa Arab (ilmu nahu). 'Abu al-'Aswad membalas: Sekiranya tuan laksanakan tugas ini nescaya tuan telah mengekalkan di sini bahasa Arab. Kemudian, selang beberapa hari aku datang lagi berjumpa dengan beliau, lalu diberikan daku satu helaian yang tertulis:

"بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. الْكَلَامُ كُلُّهُ اسْمٌ وَفِعْلٌ وَحَرْفٌ، فَلَا اسْمَ مَا أَنْبَأَ عَنِ الْمِسْمَى،

وَالْفِعْلُ مَا أَنْبَأَ عَنِ حَرَكَةِ الْمِسْمَى، وَالْحَرْفُ مَا أَنْبَأَ عَنِ مَعْنَى لَيْسَ بِاسْمٍ وَلَا فِعْلٍ."

(Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha penyayang. Kalam terbahagi kepada ism (kata nama) fi'l (kata kerja) dan harf (partikel). Ism menceritakan tentang sesuatu nama, fi'l menceritakan tentang gerakan sesuatu nama dan harf menceritakan tentang makna yang bukan ism dan fi'l)

Kemudian Khalifah berkata: Ikuti pedoman yang tertulis dan tambahkan apa yang patut. Ketahuilah bahawa sesuatu itu ada tiga: jelas, gantinama dan sesuatu yang tidak jelas dan tidak gantinama. Sesungguhnya ulama mempunyai pelbagai pendapat untuk menentukan apa yang bukan ganti nama dan tidak jelas. Aku pun menghimpunkan sesuatu serta membentangkan kepadanya. Antara

²² Muhammad Ibn Salam, *Tabaqat Fuhul al-Shu'ara'*, (Kaherah: Matba'ah Lidani, 1913), 12.

²³ Mereka ialah Ibrahim Mustafa yang menulis dalam jurnal Kuliyyah al-Adab, Universiti Fu'ad, bil. 10, j. 2, dan Shawqiyy Dif di dalam bukunya *al-Madaris Al-Nahwiyyah*, c. 5, (Kaherah: Dar al-Ma'arif, 1983), 18.

yang dibentangkan ialah huruf al-Nasb dan aku menyebut sebahagian daripadanya sahaja iaitu: *إن، أن، ليت، لعل، كأن* dan tidak menyebut *لكن*. Maka Khalifah bertanya: Kenapa kamu meninggalkannya? Aku tidak menyangka ia sebahagian daripadanya. Jawabku. Bahkan ia sebahagian daripadanya dan tambahkannya, tegas Khalifah.”²⁴

Riwayat ini merupakan antara yang paling popular dalam kalangan ahli nahu yang menegaskan bahawa telah bermulanya ciptaan ilmu nahu oleh 'Abu al-'Aswad selepas diberi tunjuk ajar oleh Khalifah 'Aliy. Banyak lagi riwayat lain yang merujuk kepada 'Abu al-'Aswad yang mencipta ilmu nahu berpunca daripada kesedaran terhadap peri penting menjaga bahasa Arab supaya terhindar daripada *lahn*. Antaranya ialah suatu hari apabila anak 'Abu al-'Aswad berkata kepadanya:

“*Hai ayah,! مَا أَحْسَنُ السَّمَاءِ . Adakah kamu maksudkan dengan bintangnya, tanya 'Abu al-'Aswad. Aku tidak ingin gambarkan sesuatu yang cantik daripadanya tetapi berasa ta'ajub (kagum) dengan kecantikannya, balas anaknya. Lantas 'Abu al-'Aswad memperbetulkan percakapan anaknya sambil berkata: Oleh itu, hendaklah kamu kata:*

! مَا أَحْسَنَ السَّمَاءِ ! Ketika itu, dia pun menulis ilmu nahu.”²⁵

Kesalahan bahasa yang berterusan pada zaman Kerajaan 'Umayyah khususnya ketika Ziyad bin 'Abih menjadi penguasa di bandar Basrah disebabkan berlakunya percampuran antara masyarakat Arab dan bukan Arab. Para perawi meriwayatkan bahawa idea mencipta ilmu nahu lahir dari inisiatif 'Abu al-'Aswad yang melihat berleluasanya kesalahan bahasa disebabkan suasana masyarakat yang sudah bercampur antara Arab dan bukan Arab yang berlaku di bandar Basrah. Antaranya ialah:

“*Orang pertama yang mencipta al-Arabiyyah (ilmu nahu) ialah 'Abu al-'Aswad al-Diliy ketika beliau mengunjungi Ziyad di Basrah seraya berkata: Aku melihat orang Arab telah bercampur dengan orang 'Ajam, lalu berubah percakapan mereka dan adakah tuan izinkan daku untuk mencipta kaedah percakapan supaya mereka mengetahui atau mengikutinya untuk bercakap? Tidak, jawab Ziyad. Tiba-tiba datang seorang lelaki menemui Ziyad (untuk memberitahu berita kematian bapanya dengan ayat yang salah) sambil berkata:*

*أَصْلَحَ اللَّهُ الْأَمِيرَ، تُؤْفَى أَبَانَا، وَتَرَكَ بَنُونَا*²⁶

²⁴ Jamal al-Din 'Abu al-Hasan 'Ali bin Yusuf al-Qiftiy (2004), *op. cit.* j.1, 39. 'Abu al-Barakat Kamal al-Din 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin 'Abi Sa'id al-'Anbariy (2003), *op. cit.* 14-15. Al-Shaikh Muhammad al-Tantawiy (1997), *op. cit.*, h. 14.

²⁵ 'Abu al-Barakat Kamal al-Din 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin 'Abi Sa'id al-'Anbariy (2003), *op. cit.* 19. Al-Qadi 'Abu Sa'id al-Hasan bin 'Abd 'Allah al-Sirafi (1955), *op.cit.* 14. Ibn Khallikan, 'Abu al-'Abbas Ahmad bin Muhammad bin Ibrahim bin 'Abi Bakr. (1998), *op. cit.*, j. 2, 438.

²⁶ Ayat yang betul adalah *تُؤْفَى أَبُونَا، وَتَرَكَ بَنِينَا*

Ziyad begitu terperanjat sehingga mengulangi (kata-kata lelaki itu): ! تُوْفِي أَبَانَا، وَتَرْك بِنُونَا dan mengarahkan supaya dipanggil 'Abu al-'Aswad (untuk memberi keizinan) dan berkata kepadanya: Ciptalah kepada manusia serta abaikan apa yang telah aku larang kepadamu berbuat demikian.”²⁷

KESIMPULAN

Pemimpin-pemimpin Arab khususnya 'Abu al-'Aswad al-Du'aliy telah memainkan peranan begitu besar sebagai agen pembaharuan pemikiran Arab dengan mencetuskan idea dan mencipta ilmu nahu. Beliau telah mengadunkan segala kepakaran, kebolehan dan pemerhatian terhadap persekitaran untuk menganugerahkan sesuatu yang terbaik kepada agama, bangsa dan tanah airnya. Sikap beliau yang sangat prihatin terhadap kitab suci al-Qur'an dan bahasa Arab telah mengubah bangsa Arab kepada bangsa yang mengutamakan perkembangan pemikiran dan ilmu pengetahuan. Kelahiran ilmu nahu berlaku pada permulaan abad pertama Hijriah dengan penulisan beberapa bab tertentu oleh 'Abu al-'Aswad. Walaupun ulama berselisih pendapat dalam menentukan siapakah sebenarnya pencipta ilmu nahu, namun penulis berpendapat penciptanya ialah 'Abu al-'Aswad al-Du'aliy. Kepentingan ilmu nahu sudah terbukti begitu banyak kepada umat Islam dan pada hari ini, setelah melalui beberapa tempat, tahap dan masa yang panjang telah menjadikannya suatu disiplin ilmu yang lengkap, sistematik dan saintifik.

RUJUKAN

- 'Abu al-Tayyib al-Lughawiy, 'Abd al-Wahid bin 'Aliy al-Halabiy, *Maratib al-Nahwiyyin*, Muhammad 'Abu al-Fadl Ibrahim (ed), (Kaherah: Maktabah Nahdah Misr wa Matba'at, 1955).
- Ahmad 'Amin. *Duha al-'Islam*, c. 6. Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, 1935
- 'Allamah, Talal. *Tatawwur al-Nahw al-'Arabiy fi Madrasatai al-Basrah wa al-Kufah*, c. 1, Beirut: Dar al-Fikr al-Lubnaniy, 1993.
- 'Anbariy, 'Abu al-Barakat Kamal al-Din 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin 'Abi Sa'id al-. *al-Insaf fî Masa'il al-Khilaf baina al-Nahwiyyain: al-Basriyyin wal al-Kufiyyin*, Muhammad Muhyi al-Din 'Abd al-Hamid (ed), Kaherah: Dar al-Jil, 1982.
- , *Nuzhah al-'Alibba' fî Tabaqat al-'Udaba'*, Muhammad 'Abu al-Fadl Ibrahim (ed) c. 1, Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah, 2003.
- Dajaniy, Fathi 'Abd al-Fattah al-. *'Abu al-'Aswad al-Du'aliy wa Nash'ah al-Nahw al-'Arabiy*, c. 1, Kuwait: Wakalah al-Matbu'at, 1974.
- Dif, Shawqiy. *al-Madaris Al-Nahwiyyah*, c. 5, Kaherah: Dar al-Ma'arif, 1983.
- Hasan, 'Abbas. *al-Lughah wa al-Nahw bain al-Qadim wa al-Hadith*, c. 1, Kaherah: Dar al-Ma'arif, 1966.
- Hindiyy, 'Ala' al-Din 'Aliy al-Mutaqiy bin Husam al-DÊn al-. *Kanz al-'Ummal fi Sunan al-'Aqwal wa al-'Af'al*, al-Syaikh Safwah al-Saqa, *et. al.* (ed), Halb: Maktabah al-Turath al-Islamiy, 1969.

²⁷ Al-Qadi 'Abu Sa'id al-Hasan bin 'Abd 'Allah al- Sirafi (1955), *op. cit.* 13. Jamal al-Din 'Abu al-Hasan 'Ali bin Yusuf al- Qiftiy (2004), *op. cit.* j. 1, 50.

- Ibn al-Nadim, Mu'ammad bin Ishaq. *al-Fihrist*, Muhammad Ahmad Ahmad (ed) Kaheerah: al-Maktabah al-Taufiqiyyah, t.t.
- Ibn Faris, Ahmad. *al-Sahibiy fi Fiqh al-Lughah*, Kaheerah: al-Maktabah al-Salafiyyah, 1328H.
- Ibn Jinni, 'Abu Fath 'Uthman. *al-Khasa'is*, Mu'ammad 'Ali al-Najjar (ed), c. 3, Kaheerah: al-Hai'ah al-Misriyyah al-'Ammah lil-Kitab, 1986.
- Ibn Khaldun, 'Abd al-Rahman bin Muhammad. *Muqaddimah Ibn Khaldun*, 'Aliy 'Abd al-Wahid Wafi (ed), c. 3. Kaheerah: Dar Nahdah Misr lil Tab' wa al-Nashr, t.t.
- Ibn Khallikan, 'Abu al-'Abbas Ahmad bin Muhammad bin Ibrahim bin 'Abi Bakr. *Wafayyat al-'A'yan wa 'Anba' Abna' al-Zaman*, Yusuf 'Aliy Tawil, et. al, (ed) c.1, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1998.
- Ibn Manzur. *Lisan al-'Arab*. 'Abd 'Allah 'Aliy al-Kabir et.al (ed) Kaheerah: Dar al-Ma'arif, t.t.
- Ibn 'Usfur. *al-Muqrib*, Ahmad 'Abd al-Satar al-Jawariy, et. al, (ed) Baghdad: Matba'ah al-'Aniy, 1971.
- Ibn Salam, Mu'ammad. *Tabaqat Fuhul al-Shu'ara'*, kaheerah: Matba'ah Lidan, 1913.
- Al-Jahiz, Abu Uthman Amru bin Bahr, *al-Bayan wa al-Tabyin*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.
- Makarim, 'Aliy 'Abu al-. *Madkhal ila Tarikh al-Nahw al-'Arabiyy wa Qadaya wa Nusus Nahwiyyah*, Kaheerah: Dar Gharib, 2007.
- Mustafa, Ibrahim et. al. *al-Mu'jam al-Wasit*, c. 2, Istanbul: Dar al-Da'wah, 1986.
- Nasif, 'Aliy al-Najdiy. *Sibawayh Imam al-Nuhah*, Kaheerah: Maktabah Nahdah Misr bil al-Fajjalah, 1953.
- Qiftiy, Jamal al-Din 'Abu al-Hasan 'Ali bin Yusuf al-. *Inbah al-Ruwah 'ala 'Anbah al-Nuhah*, Muhammad 'Abh al-Fadl Ibrahim (ed), Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah, 2004.
- Sabban, Mu'ammad bin 'Ali al-. *ashyiah al-Sabban 'ala Shrh al-'Ashmuniy 'ala Alfiyyah Ibn Malik*, Kaheerah: Matba'ah 'Isa al-Babi al-Halabi wa Sharikah, t.t.
- Sirafi, al-Qadi 'Abu Sa'id al-'asan bin 'Abd 'Allah al-. *Akhbar al-Nahwiyyin al-Basriyyin*, Taha Muhammad al-Zini, et. al, (ed) c. 1, Kaheerah: Maktabah Mustafa al-Babiy al-Halabiy, 1955.
- Suyutiy, al-Hafiz Jalal al-Din 'Abd al-Rahman al-. *Bughyah al-Wu'ah fÊ Tabaqat al-Lughawiyyin wa al-Nuhah*, Muhammad 'Abd al-Rahim, (ed) c.1, Beirut: Dar al-Fikr, 2005.
- *al-Muzhir fÊ 'Ulum al-Lughah wa 'Anwa'iha*, Muhammad Ahmad Jad al-Maula Bek, et. al (ed), c. 3, Kaheerah: Dar al-Turath, t.t.
- Tabariy, 'Abu Ja'far Muhammad bin Jarir al-. *Tarikh al-Tabariy: Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*, Muhammad 'Abu al-Fadl Ibrahim (ed), Kaheerah: Dar al-Ma'arif, 1963.
- Tantawiy, al-Shaikh Muhammad al-. *Nash'ah al-Nahw wa Tarikh 'Ashar al-Nuhah*, Sa'id Muhammad al-Laham (ed) c. 1, Beirut: 'Alim al-Kutub, 1997.